

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan. Analisis yang dilakukan ialah perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi, respon pelajar terhadap perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi semasa mengajar mata pelajaran di bilik darjah dan kesan perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi terhadap pelajar. Analisis yang digunakan ialah deskriptif bagi melihat jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi melalui pemerhatian penyelidik dan pemerhatian dua puluh sampel yang dipilih. Analisis deskriptif berdasarkan dapatan melalui temubual dengan dua puluh sampel yang dipilih bagi melihat perlakuan sepuhul orang guru yang mengajar mata pelajaran di kelas tingkatan cempat.

4.2 Analisis Data

Segala butiran perbincangan dibuat dalam bentuk deskriptif, iaitu Berdasarkan pemerhatian penyelidik dan pemerhatian 20 sampel yang dipilih dalam kajian ini. Penganalisaan dibuat melalui pemerhatian yang akan diperincikan mengikut tema-tema berikut:

1. Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi
2. Respon pelajar terhadap perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi.
3. Kesan perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi terhadap pelajar.

4.3 Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 1 iaitu, "Apakah perlakuan guru di dalam bilik darjah sebagai kurikulum tersembunyi ? "

Bagi menjawab soalan kajian ini penyelidik telah membuat pemerhatian terhadap empat orang guru yang mengajar mata pelajaran di bilik darjah tingkatan empat. Hasil daripada pemerhatian tersebut, penyelidik telah menyenaraikan 36 perlakuan guru tersebut. Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapat 36 jenis perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di sekolah. Dapatan kajian juga mencatatkan perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi iaitu menghentakkan kaki apabila menyoal mencatatkan kekerapan yang terbanyak dengan catatan 56 bilangan dan bilangan kekerapan yang paling sedikit dengan catatan 10 bilangan ialah perlakuan, guru sering mengucapkan terima kasih. Kesimpulannya disini ialah terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di dalam bilik darjah. Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi tersebut dapat dijelaskan dalam jadual 1 di bawah :

**Jadual 1 : Analisis Kekerapan Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi
Di Bilik Darjah Hasil Pemerhatian Pengkaji**

Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di bilik darjah	Bilangan
1. Menghentakkan kaki apabila mendoa	56
2. Duduk di atas meja	50
3. Memasukkan tangan ke dalam poket	50
4. Melakukan kerja lain atau berjalan-jalan setelah memberi kerja atau latihan	47
5. Berjalan sentiasa cepat	46
6. Guru sentiasa bertertib	45
7. Sentiasa serius	43
8. Kadangkala serius dan kadangkala pelawak	41
9. Sentiasa melawak	41
10. Selalu senyum	38
11. Tidak pernah senyum	37
12. Nada suara menarik	35
13. Pandai bercerita (menggunakan gaya dan suara yang sesuai mengikut keadaan)	33
14. Mengenepikan kehendak pelajar	33
15. Menurut kehendak pelajar	30
16. Merasakan dirinya sentiasa benar	29
17. Suka mendengar cerita pelajar	25
18. Memberi amaran kepada pelajar	25
19. Suka memerhati gelagat pelajar	25
20. Tidak menerima pendapat pelajar	23
21. Mudah menerima pendapat pelajar	22
22. Memberi contoh yang mudah difahami	22
23. Penerangan yang jelas	20
24. Menanam semangat belajar	20
25. Mengambil berat tentang pelajar	19
26. Suka berbincang dengan pelajar	19
27. Pakaian sentiasa kemas dan menarik	15
28. Mengawal suasana pengajaran dan pembelajaran	15
29. Bertolak ansur dan memahami pelajar	15
30. Mendenda pelajar (berdiri atas kerusi,berdiri di luar kelas)	13
31. Bersungguh-sungguh menyampaikan pelajaran	13
32. Sering menjangka pelajar mempunyai pengetahuan sepertinya	13
33. Suka mencabar pelajar	13
34. Sentiasa menepati masa	12
35. Apabila menjawab/memberi salam memandang pelajar	12
36. Sering mengucapkan terima kasih	10

Bagi mendapatkan perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di bilik darjah, kajian ini juga telah memilih dua puluh sampel untuk membuat permerhatian terhadap sepuluh orang guru yang mengajar mata pelajaran di bilik darjah yang dipilih. Permerhatian selama dua minggu waktu perskolahan ini telah menyenaraikan 55 perlakuan oleh guru di bilik darjah. Dapatkan kajian juga mencatatkan perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi iaitu menghentakkan kaki apabila menyoal mencatatkan kekerapan yang terbanyak iaitu dengan catatan 80 bilangan dan bilangan kekerapan yang paling sedikit dengan catatan 10 bilangan ialah perlakuan, guru sering mengucapkan terima kasih. Kesimpulannya disini ialah terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di dalam bilik darjah. Perlakuan oleh guru ini dijelaskan dalam jadual 2 di bawah :

Jadual 2 : Analisis Kekerapan Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi Di Bilik Darjah Hasil Pemerhatian 20 Sampel.

Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di bilik darjah	Bilangan
1 Menghentakkan kaki apabila menyoal	80
2 Duduk di atas meja	75
3 Memasukkan tangan ke dalam poket	75
4 Tangan sentiasa bergerak apabila bercakap	70
5 Badan sentiasa bergoyang semasa menulis	70
6 Apabila berfikir sesuatu sering memandang ke atas	50
7 Berjalan menghentakkan kaki	50
8 Melakukan kerja lain atau berjalan-jalan setelah memberi kerja atau latihan	50
9 Berjalan sentiasa cepat	49
10 Pakaian sentiasa kemas dan menarik	49
11 Guru sentiasa bertertib	49
12 Sentiasa serius	47
13 Mimik muka ceria	47
14 Sentiasa termenung	44
15 Kadangkala serius dan kadangkala pelawak	44

16 Sentiasa melawak	44
17 Selalu senyum	44
18 Tidak pernah senyum	42
19 Suka berleter	42
20 Nada suara menarik	40
21 Pandai bercerita (menggunakan gaya dan suara yang sesuai mengikut keadaan)	40
22 Suka membesarakan suara seperti pelajar berada jauh dari nya.	37
23 Bertanya/bercerita tentang perkara yang tidak berkaitan dengan pelajar	37
24 Bersikap pilih kasih	33
25 Mengencipikan kahendak pelajar	33
26 Menurut kahendak pelajar	33
27 emosional	30
28 Merasakan dirinya sentiasa benar	28
29 Ego	28
30 Suka mendengar cerita pelajar	22
31 Memberi amaran kepada pelajar	22
32 Suka memerhati gelagat pelajar	21
33 Suka menjeling pelajar	21
34 Tidak menerima pendapat pelajar	21
35 Mudah menerima pendapat pelajar	21
36 Memberi contoh yang mudah difahami	21
37 Memberi contoh yang sukar difahami	19
38 Penerangan yang jelas	19
39 Menanam semangat belajar	18
40 Mengambil berat tentang pelajar	18
41 Suka berbincang dengan pelajar	18
42 Mengawal suasana pengajaran dan pembelajaran	17
43 Bertolak ansur dan memahami pelajar	17
44 Menyoal dengan tiba-tiba	17
45 Mengawal suasana pengajaran	16
46 Mendenda pelajar (berdiri atas kerusi,berdiri di luar kelas)	15
47 Bersungguh-sungguh menyampaikan pelajaran	12
48 Suka mencabar pelajar	12
49 Sentiasa mencapati masa	12
50 Tidak mencapati masa	11
51 Sering menjangka pelajar mempunyai pengetahuan sepertinya	10
52 Sering menjangka pelajar tidak mempunyai pengetahuan sepertinya	10
53 Apabila menjawab/memberi salam memandang pelajar	10
54 Apabila memberi/menjawab salam tidak memandang pelajar	10
55 Sering mengucapkan terima kasih	10

Berdasarkan dapatan melalui pemerhatian penyelidik dan sampel maka perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di bilik darjah telah dikategorikan kepada 6 kategori iaitu gerak geri semasa mengajar, perawakan/personaliti, cara bertutur, respon guru kepada pelajar, jangkaan guru dan cara menghormati dan menghargai pelajar. Kesimpulannya ialah terdapat 6 kategori perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi dengan 55 jenis perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi. Ini membuktikan bahawa terdapat kurikulum tersembunyi di dalam bilik darjah. Dapatan dijelaskan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi Di Bilik Darjah Mengikut Kategori

Kategori	Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di bilik darjah
1 GERAK GERI SEMASA MENGAJAR	1. Menghentakkan kaki apabila menyoal 2. Duduk di atas meja 3. Memasukkan tangan ke dalam poket 4. Tangan sentiasa bergerak apabila bercakap 5. Badan sentiasa bergoyang semasa menulis 6. Bila berfikir sesuatu sering memandang ke atas 7. Berjalan menghentakkan kaki 8. Melakukan kerja lain atau berjalan-jalan setelah memberi kerja atau latihan 9. Berjalan sentiasa cepat
2 PERAWAKAN/ PERSONALITI	10. Pakaian sentiasa kemas dan menarik 11. Guru sentiasa bertertib 12. Sentiasa serius 13. Minim muka ceria 14. Sentiasa termenung 15. Kadangkala serius dan kadangkala pelawak 16. Sentiasa melawak 17. Selalu senyum 18. Tidak pernah senyum 19. Suka berleter

3 CARA BERTUTUR	20. Nada suara menarik 21. Pandai bercerita (menggunakan gaya dan suara yang sesuai mengikut keadaan) 22. Suka membesarkan suara seperti pelajar berada jauh dari nya.
4 RESPON GURU KEPADA MURID	23. Bertanya/bercerita tentang perkara yang tidak berkaitan dengan pelajar 24. Bersikap pilih kasih 25. Mengencangkan kehendak pelajar 26. Menurut kehendak pelajar 27. emosional 28. Merasakan dirinya sentiasa benar 29. Ego 30. Suka mendengar cerita pelajar 31. Memberi amaran kepada pelajar 32. Suka memerhati gelagat pelajar 33. Suka menjelting pelajar 34. Tidak menerima pendapat pelajar 35. Mudah menerima pendapat pelajar 36. Memberi contoh yang mudah difahami 37. Memberi contoh yang sukar difahami 38. Pencerangan yang jelas 39. Menanam semangat belajar 40. Mengambil berat tentang pelajar 41. Suka berbincang dengan pelajar 42. Mengawal suasana pengajaran dan pembelajaran 43. Bertolak ansur dan memahami pelajar 44. Menyoal dengan tiba-tiba 45. Mengawal suasana pengajaran 46. Mendenda pelajar (berdiri atas kerusi,berdiri di luar kelas) 47. Bersungguh-sungguh menyampaikan pelajaran 48. Suka mencabar pelajar 49. Sentiasa menepati masa 50. Tidak menepati masa
5 JANGKAAN GURU	51. Sering menjangka pelajar mempunyai pengetahuan sepertinya 52. Sering menjangka pelajar tidak mempunyai pengetahuan sepertinya
6 CARA MENGHORMATI/ MENGHARGAI PELAJAR	53. Apabila menjawab/memberi salam memandang pelajar 54. Apabila memberi/menjawab salam tidak memandang pelajar 55. Sering mengucapkan terima kasih

Bagi menjawab soalan kajian 1 juga, pemerhatian dibuat terhadap sepuluh orang guru yang mengajar mata pelajaran di bilik darjah tingkatan empat bagi melihat guru melakukan perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi. Jenis Perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi ini diperhatikan selama 40 minit iaitu satu masa pengajaran. Pemerhatian dibuat oleh dua puluh sampel yang dipilih. Hasil pemerhatian dipilih secara rawak daripada sampel. Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi yang adalah seperti berikut.

Hasil daripada pemerhatian terhadap guru 1 telah melakukan 11 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini. Jenis perlakuan yang diperhatikan terhadap guru 1 dijelaskan dalam jadual 4. Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 2 telah melakukan 11 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini. Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 2 dijelaskan dalam jadual 4. Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 3 telah melakukan 10 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini. Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 3 dijelaskan dalam jadual 4.

Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 4 telah melakukan 16 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini. Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 4 dijelaskan dalam jadual 4. Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 5 telah melakukan 28 jenis perlakuan

sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 5 dijelaskan dalam jadual 4

Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 6 telah melakukan 22 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 6 dijelaskan dalam jadual 4

Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 7 telah melakukan 11 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 7 dijelaskan dalam jadual 4 di bawah.

I Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 8 telah melakukan 22 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 8 dijelaskan dalam jadual 4.

Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 9 telah melakukan 11 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini. Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 9 dijelaskan dalam jadual 4.

Hasil daripada pemerhatian terhadap guru ke 10 telah melakukan 22 jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi dalam kajian ini. Jenis perlakuan sebagai kurikulum tersembunyi yang diperhatikan terhadap guru 10 dijelaskan dalam jadual 4 di bawah. Kesimpulannya ialah dapatan kajian ini menjelaskan terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini dijelaskan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 4 : Jenis Perlakuan Sepuluh Orang Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi dalam bilik darjah hasil pemerhatian sampel

Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi	Guru									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
GERAK GERI SEMASA MENGAJAR										
1. Menghentakan kaki apabila menyayal	X				X	X		X		X
2. Suka duduk di atas meja	X				X	X		X		X
3. Memasukkan tangan ke dalam poket		X			X	X		X		X
4. Melakukan kerja lain atau berjalan-jalan setelah memberi latihan					X	X		X		X
5. Tangan sentiasa bergerak apabila bercakap	X	X	X	X	X	X				
6. Badan sentiasa bergoyang semasa menulis		X							X	X
7. Berjalan menghentakkan kaki					X	X				X
8. Berjalan sentiasa cepat	X	X	X				X			
PERAWAKAN/PERSONALITI										
1. Pakaian sentiasa kemas/menarik		X			X	X		X		X
2. Guru sentiasa bertertib					X	X		X	X	X
3. sentiasa serius				X						
4. tidak pernah serius			X							
5. kadangkala serius dan kadangkala pelawak	X	X				X		X	X	
6. tidak pernah senyum					X					X
7. Suka berleter					X	X				X
CARA BERTUTUR										
1. Nada suara menarik (unik dan bergaya)	X							X	X	X
2. Pandai bercerita (menggunakan suara dan gaya yang sesuai)		X	X				X	X	X	
3 Suka membesaraskan suara,seperti pelajar berada jauh darinya.					X	X				X
4. Suka menengking pelajar				X						
RESPON GURU KEPADA MURID										
1. bertanya tentang perkara yang tidak berkaitan dengan pelajar					X	X				X
2. bersikap pilih kasih (tumpuan kepada seseorang)					X	X				X
3. Mengenepikan kehendak pelajar					X			X		
4. Menurut kehendak pelajar	X									
5. emosional					X	X	X			X
6. Merasakan dirinya sentiasa benar					X	X		X		X
7. Ego					X					
8. Mudah putus asa/merajuk				X						
9. Suka mendengar cerita pelajar							X			
10. sentiasa memberi anaran					X	X		X		X
11. Suka memerhati gelagat pelajar	X	X	X	X	X		X	X	X	
12. tidak menentua pendapat pelajar					X	X		X		X
13. Mudah mencritica pendapat pelajar	X	X	X	X			X	X		

14. Memberi contoh yang mudah difahami	X	X		X	X	X	X	X	
15. Memberi contoh yang sukar difahami				X					
16. Sentiasa marah			X						
17. Suka mendenda pelajar			X	X			X		X
18. Bersungguh-sungguh menyampaikan pelajaran	X	X	X	X	X	X	X	X	
19. Suka mencabut pelajar					X		X	X	
20. Tidak menepati masa	X								
21. Sentiasa menepati masa			X	X	X		X	X	
JANGKAAN GURU									
1. Sering menjangka pelajar mempunyai pengetahuan sepertiinya					X	X		X	X
2. Sering menjangka pelajar tidak mempunyai pengetahuan sepertiinya					X				
3. Sering menjangka seseorang pelajar sahaja akan berjaya					X				
4. Sering menjangka seseorang pelajar sahaja akan gagal					X				
CARA MENGHORMATI/MENGIARGAI PELAJAR									
1. apabila memberi/menjawab salam memandang pelajar	X	X	X	X		X	X	X	
2. apabila memberi/menjawab salam tidak memandang pelajar					X				X
3. sering mengucapkan terima kasih					X	X		X	X

4.4 Respon Pelajar Terhadap Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Bahagian ini juga akan menjawab soalan kajian 2 iaitu, " Apakah respon pelajar terhadap perlakuan guru yang boleh dianggap sebagai kurikulum tersembunyi?"

Bagi menjawab soalan kajian 2 ini penyelidik telah menjalankan temubual dengan 20 sampel yang dipilih untuk memerhati perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi yang mengajar mata pelajaran di bilik darjah mereka. Bagi menjawab soalan kajian 2 ini, penyelidik telah menyediakan 15 soalan. Soalan yang dikemukakan dari dua aspek iaitu tentang perlakuan yang menarik perhatian pelajar dan perlakuan yang tidak menarik perhatian pelajar. Soalan 1 hingga 15 dibahagikan kepada 15 bahagian seperti berikut :

1. Contoh perlakuan guru yang menarik perhatian.
2. Perlakuan guru yang menjadi ikutan.
3. Mengapa perlakuan guru ini menjadi ikutan.
4. Akan bersungguh-sungguh untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajarnya jika perlakuan guru menarik minat.
5. Alasan kerana bersungguh-sungguh mendapat keputusan yang cemerlang.
6. Perlakuan guru ini menjadi pengajaran.
7. Contoh perlakuan yang menjadi pengajaran.
8. Tahu tentang tujuan guru melakukan perlakuan.
9. Bagaimana anda tahu tujuan guru.
10. Contoh perlakuan guru yang tidak menarik perhatian.

11. Melemahkan semangat untuk mengikuti pengajarannya jika perlakuan guru ini tidak menarik perhatian.
12. Alasan perlakuan ini melemahkan semangat.
13. Tindakbalas terhadap guru melakukan perlakuan.
14. Berusaha untuk mengubah perlakuan guru .
15. Mengapa perlu mengubah perlakuan.

Soalan temubual berstruktur ini untuk menjawab soalan kajian 2 iaitu terdapat respon pelajar terhadap kurikulum tersembunyi. Sampel menjawab soalan temubual ini secara lisan, perbualan ini dirakamkan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Analisis secara diskriptif dijalankan dan hasil dapatan adalah seperti berikut.

4.4.1 Contoh perlakuan guru yang menarik perhatian

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual, " Nyatakan contoh perlakuan guru yang menarik perhatian anda ?"

Berdasarkan temubual bagi menjawab soalan ini, sampel telah menjawab lebih daripada satu perlakuan. Daripada temubual tersebut di dapati 33 sampel memilih perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi dalam kategori respon guru kepada murid merupakan perlakuan yang menarik perhatian mereka. Sementara itu 15 sampel memilih kategori perawakan dan personaliti guru merupakan perlakuan yang menarik perhatian mereka semasa mengajar. Selain itu 4 sampel memilih kategori gerak geri semasa mengajar merupakan perlakuan yang menarik perhatian mereka, dan 3 sampel memilih

cara bertutur merupakan perlakuan yang menarik perhatian mereka semasa guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Dari temubual ini, dapatan kajian menunjukkan 33 sampel yang memilih bagi kategori respon guru kepada pelajar merupakan perlakuan guru yang menarik perhatian mereka semasa mengajar. Terdapat 6 sampel memilih guru yang memberi penerangan yang jelas dan memberi contoh yang mudah difahami. Manakala 6 sampel lagi memilih guru yang bersungguh-sungguh menyampaikan pelajaran. Sementara itu 3 sampel memilih guru yang sentiasa menepati masa, 2 sampel memilih guru yang berjaya menanamkan semangat untuk belajar, dan 1 sampel memilih guru yang suka mencabar pelajar, 1 sampel memilih guru yang sentiasa memberi amaran, 1 sampel memilih guru yang melakukan sesuatu yang pelik, 1 sampel memilih guru yang mengambil berat tentang pelajar, 1 sampel memilih guru yang tidak mudah marah, 1 sampel memilih guru menggunakan bahasa yang mudah difahami, 1 sampel memilih guru yang suka berbincang, 1 sampel memilih guru yang menyatakan tiba-tiba, 1 sampel memilih guru yang memberi peluang pelajar memberi pendapat, 1 sampel memilih tidak terlalu serius, 1 sampel memilih tersasul cakap ketika mengajar, 1 sampel memilih memandang ke atas apabila berfikir sesuatu, 1 sampel memilih perlakuan guru yang mendapat perhatian daripada rakan-rakan, 1 sampel memilih bertolak ansur dan memahami perasaan pelajar, 1 sampel memilih guru yang tidak menyinggung perasaan pelajar dan 1 sampel memilih mendorong pelajar untuk berjaya dan belajar.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini mengatakan bahawa;

"Perlakuan guru yang menarik perhatian saya ialah serius ketika mengajar tapi kadang-kadang buat lawak spontan, suka berleter. Ada masanya suka mendorong pelajar agar belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan".

Menurut sampel ini, beliau menyatakan "cepat, terang sewaktu mencerangkan subjek yang diajar di tambah pula dengan contoh-contoh yang mudah difahami, ceria, bersungguh-sungguh, menerima pandangan dan cadangan, tidak mudah melenting, serius dan melawak pada masa pelajar mula bosan".

Bagi sampel ini, katanya "antara contoh perlakuan guru yang menarik perhatian saya ialah menyampaikan pengajaran dengan bersungguh-sungguh, memberi penerangan yang jelas dan memberi contoh yang mudah difahami".

Menurut sampel ini, katanya, " contoh perlakuan guru yang menarik perhatian saya ialah apabila guru berfikir tentang sesuatu guru suka memandang ke atas". Kata sampel ini pula tentang perlakuan yang menarik perhatian mereka ialah, "apabila guru membuat sesuatu yang pelik dan melawakkan". Menurut sampel ini, " apabila guru sedang mengajar dengan cara yang betul dan mudah difahami, tidak membosankan, mendapat perhatian rakan-rakan serta kadang kala buat lawak, menanamkan semangat saya untuk belajar".

Kesimpulannya terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi di dalam bilik darjah. Perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi yang menarik perhatian pelajar ini dapat dijelaskan dalam jadual 5 di bawah:

Jadual 5 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi Semasa Mengajar	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan
1. Pengajaran jelas dan contoh yang mudah difahami	6
2. Bersungguh-sungguh menyampaikan pengajaran	6
3. Sentiasa mencapai masa	3
4. Menanam semangat untuk belajar	2
5. Suka mencabar pelajar	1
6. Memberi amaran	1
7. Sesuatu yang pelik	1
8. Mengambil berat tentang pelajar	1
9. Tidak mudah marah	1
10. Bahasa yang mudah difahami	1
11. Berbincang	1
12. Menyoal dengan tiba-tiba	1
13. Beri peluang mengeluarkan pendapat	1

14. Berfikir memandang ke atas	1
15. Tidak terlalu serius	1
16. Tersusul bila bercakap	1
17. Dapat perhatian dari rakan	1
18. Tolak ansur dan memahami perasaan	1
19. Tidak menyenggung perasaan	1
20. Mendorong untuk belajar	1
Jumlah	33

Terdapat juga 15 sampel yang memilih perwakan dan personaliti sebagai perlakuan yang menarik perhatian responden. Antara perlakuan yang menarik dalam kategori ini ialah 5 sampel memilih guru yang pelawak, serta 4 sampel memilih guru yang berpakaian sentiasa kemas dan menarik. Manakala 3 sampel memilih guru yang sentiasa senyum, 2 sampel memilih guru yang kadang kala serius dan kadang kala pelawak dan 1 sampel memilih guru yang tegas. Kesimpulannya terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembnyi menarik perhatian pelajar.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini mengatakan bahawa;

" mimik muka yang ceria,sentiasa senyum,lebih bersikap tolak ansur dan mudah memahami perasaan dan kehendak pelajar, cara pertuturan yang lemah lembut dan sering

mengucapkan perkataan yang sopan iaitu perkataan yang tidak menyinggung perasaan pelajar".

Bagi sampel ini, katanya " apabila guru membuat lawak, guru yang pandai bercerita, guru yang pandai mengajar, guru yang tidak terlalu serius dan guru yang bersungguh-sungguh mengajar"

Menurut sampel ini tentang perlakuan guru yang menarik minatnya ialah, "berpakaian kemas, menarik, pandai mengawal suasana pembelajaran iaitu tidak bercakap satu hala sahaja, memberi peluang kepada pelajar menyuarakan pendapat, menepati masa, mempercayai, dipercayai dan bersungguh-sungguh untuk membantu pelajar memahami pengajarannya".

Perawakan dan personaliti guru yang menarik perhatian pelajar ini dapat dijelaskan dalam jadual 6 di bawah:

Jadual 6 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi Semasa Mengajar	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan
1. Guru yang pelawak	5
2. Pakaian sentiasa kemas dan menarik	4
3. Sentiasa senyum	3
4. Kadang kala serius dan kadang kala pelawak	2
5. Tegas	1
Jumlah	15

Berdasarkan temubual yang dijalankan, terdapat 4 sampel yang memilih gerak geri semasa mengajar merupakan perlakuan yang menarik perhatian pelajar. Antara perlakuan yang diklasaskan dalam kategori ini ialah, 2 sampel memilih perlakuan tangan bergerak apabila bercakap, 1 sampel memilih perlakuan berjalan menghentakkan kaki dan 1 sampel lagi memilih perlakuan berjalan sentiasa cepat. Kesimpulannya terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi menarik perhatian pelajar.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini mengatakan bahawa;

"Tangan yang sentiasa bergerak ketika mengajar, sering tersasul, sering tersenyum, jalan hentak kaki, marah tetapi tidak serius dan dalam keadaan lawak"

Menurut sampel ini pula, katanya " berjalan sentiasa cepat" dan menurut sampel ini katanya, " Perlakuan guru yang menarik minat saya ialah semasa mengajar, saya suka melihat tangannya sentiasa bergerak apabila bercakap atau mencrangkan sesuatu"

Bagi menjelaskan tentang sampel yang memilih gerak geri semasa guru mengajar sebagai perlakuan yang menarik perhatian mereka, rujuk jadual 7 di bawah :

Jadual 7 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan Guru Semasa Mengajar Sebagai Kurikulum Tersembunyi	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan
1. Tangan sentiasa bergerak apabila bercakap	2
2. Berjalan menghentakkan kaki	1
3. Berjalan sentiasa cepat	1
Jumlah	4

Terdapat 3 sampel yang memilih cara bertutur merupakan perlakuan yang menarik perhatian mereka semasa guru mengajar. Kajian menunjukkan 2 sampel memilih guru yang pandai bercerita iaitu menggunakan suara dan gaya yang sesuai dan 1 sampel memilih nada suara yang unik. Kesimpulannya terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi menarik perhatian pelajar.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini mengatakan bahawa;

" cara pertuturan yang lemah lembut dan pandai bercerita dan sentiasa mengutarakan perkataan yang sopan iaitu tidak menyinggung perasaan pelajar".

Menurut sampel yang dipilih tentang cara pertuturan guru yang menarik minat mereka, katanya " Suara guru ini sungguh unik sekali dan membuatkan saya bersemangat untuk terus belajar"

Penjelasan tentang cara bertutur yang menarik perhatian pelajar di jelaskan dalam jadual 8 di bawah:

Jadual 8 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan Semasa Guru Mengajar Sebagai Kurikulum Tersembunyi	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan
1. Pandai bercerita (menggunakan suara dan gaya yang sesuai)	2
2. Nada suara menarik (unik dan bergaya)	1
Jumlah	3

4.4.2 Perlakuan guru yang menjadi ikutan.

Bahagian ini adalah berdasarkan soalan temubual ini "Adakah perlakuan ini menjadi ikutan kepada anda ?"

Daripada temubual yang dibuat terhadap 20 sampel yang dipilih menunjukkan , 16 sampel memberikan jawapan " ya " iaitu perlakuan guru itu menjadi ikutan kepada mereka . Sementara 3 sampel memberikan jawapan " sebahagian " iaitu sebahagian sahaja daripada perlakuan itu menjadi ikutan kepadanya dan 1 sampel memberikan jawapan " tidak " iaitu perlakuan itu tidak menjadi ikutan kepadanya. Kesimpulannya terdapat perlakuan guru yang positif menjadi ikutan kepada pelajar.

4.4.3 Mengapa perlakuan guru ini menjadi ikutan.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini, " Mengapakah perlakuan ini menjadi ikutan kepada mereka ?"

Daripada temubual yang dijalankan mendapati mereka memberikan alasan tertentu mengapakah perlakuan itu diikuti atau tidak diikuti atau sebahagian sahaja daripada perlakuan itu diikuti.

Bagi sampel yang memilih jawapan "ya", iaitu mengapa perlakuan guru itu diikuti, sampel memberikan alasan seperti berikut : 3 sampel mengatakan mereka senonok belajar dengan mengikuti perlakuan guru, 2 sampel mengatakan perlakuan itu memberikan kesan yang baik kepadanya dan semua pihak, 2 sampel mengatakan mereka merasa tidak tertekan dan mengalami suasana pembelajaran yang harmoni dan selesa, 2

sampel mengatakan perlakuan itu sesuai dicontohi dan ingin menjadi seperti guru tersebut. Manakala 1 sampel mengatakan mereka bersemangat belajar. 1 sampel mengatakan menjimatkan masa, 1 sampel mengatakan saya merasa puas, 1 sampel mengatakan mereka mendapat idea dan 1 sampel mengatakan mereka ingin mengubah diri dan membina disiplin

Manakala sampel yang memilih sebahagian daripada perlakuan diikuti, hasil kajian mendapati 3 sampel mengatakan bahawa mereka memilih perlakuan yang baik dan menyisih perlakuan yang tidak baik daripada guru tersebut. Manakala 1 sampel yang memilih tidak mengikuti perlakuan guru tersebut mengatakan mereka tidak mahu mengikuti sepertinya. Kesimpulannya pelajar memilih perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi positif menjadi ikutan kepada pelajar.

Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Alasan yang dikemukakan ialah :

Sampel yang mengatakan "ya" iaitu perlakuan itu diikuti:

1. " kerana ia meninggalkan kesan yang baik pada pelajar khasnya".
2. " kerana saya akan rasa bersemangat untuk mengikuti pelajaran yang diajarnya".
3. " menjimatkan masa "
4. "kerana perlakuan ini sesuai untuk saya contohi apabila saya berbahas atau berpidato"

5. "kerana dengan perlakuan ini, semua orang akan lebih menyenangi diri saya dan saya rasa lebih puas apabila bersikap begini"
6. "kerana saya suka pada suasana yang tidak begitu tertekan kepada sesuatu pelajaran"
7. "sebab bila kita ikut perlakuan guru itu, sedikit sebanyak kita rasa seronok waktu belajar atau di luar waktu belajar, sebab ada waktunya kita ketawa dan ada waktunya kita serius"
8. "sebab saya suka dengan caranya dan ia akan membuat saya berasa gembira"
9. "sebab apabila saya buat begitu, Insyallah saya dapat idea"
10. "sebab ia adalah sesuatu yang baik untuk dipelajari dan guru selalu bersama"
11. "ini kerana saya akan mengubah diri saya seperti mana guru itu buat"
12. "ini kerana saya suka suasana pembelajaran yang harmoni dan selesa"
13. "kerana menaikkan mood saya untuk belajar"
14. "perlakuan positif ini mampu membina disiplin diri dalam persediaan untuk melangkah ke arah budaya kerja yang sihat dan profesional"
15. "ingin jadi sepertinya"
16. "kerana perlakuannya memberi kebaikan kepada semua pihak".

Sampel yang memberikan jawapan "sebahagian" iaitu sebahagian sahaja daripada perlakuan itu diikuti.

1. "sebab sikapnya yang pandai mengubah perilaku seseorang"
2. "kerana jika sesuatu perlakuan itu akan mengubah kepada menjadi lebih baik akan diikuti sekiranya dapat mengubah pelajar itu sendiri"

3. "kerana ada yang baik diikuti dan ada yang tidak elok diikuti"

Sampel yang memberikan jawapan "tidak" iaitu perlakuan itu tidak diikuti.

1. "kerana saya hanya akan mencrima cabarannya tetapi tidak mengikuti perlakuananya, maksud saya, saya tidak mencabar dan menyoal seseorang secara tiba-tiba.

4.4.4 Akan bersungguh-sungguh untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajarnya jika perlakuan guru menarik minat.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini, "Jika perlakuan guru ini menarik minat anda, Adakah anda akan bersungguh-sungguh untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajarnya?"

Daripada temubual yang dibuat terhadap 20 sampel yang dipilih menunjukkan , 17 sampel memberikan jawapan " ya " iaitu perlakuan guru itu menjadikan mereka bersungguh-sungguh berusaha mendapat keputusan yang cemerlang. Sementara 2 sampel memberikan jawapan " kadang-kadang " iaitu kadang-kadang sahaja perlakuan itu akan menyebabkan mereka bersungguh-sungguh berusaha untuk mendapat keputusan yang cemerlang dan 1 sampel memberikan jawapan " tidak " iaitu perlakuan itu tidak menjadi mereka bersungguh-sungguh berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata

pelajaran yang diajarnya. Kesimpulannya perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi mempengaruhi pelajar belajar.

4.4.5 Alasan kerana bersungguh-sungguh mendapat keputusan yang cemerlang.

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian ini, " Apakah alasan anda? (Berdasarkan jawapan anda diatas)"

Bagi soalan temubual 5 ini, bagi sampel yang memilih jawapan "ya" hasil dapatan kajian menunjukkan, terdapat 5 sampel mengatakan bahawa mereka belajar kerana menghargai guru tersebut dan 9 sampel memberikan alasan dengan mengatakan mereka belajar kerana terdapat motivasi interinsik iaitu kehendak dalaman sampel sendiri.

Bagi sampel yang menjawab "kadang-kadang" perlakuan itu memberikan mereka semangat untuk belajar hasil dapatan kajian menunjukkan, terdapat 1 sampel mengatakan bahawa mereka belajar kerana untuk menghargai guru tersebut dan 1 sampel memberikan alasan dengan mengatakan mereka belajar kerana terdapat motivasi interinsik iaitu kehendak dalaman sampel sendiri. Bagi sampel yang menjawab "Tidak" perlakuan itu memberikan mereka semangat untuk belajar hasil dapatan kajian menunjukkan, 1 sampel memberikan alasan dengan mengatakan mereka belajar kerana terdapat motivasi interinsik iaitu kehendak dalaman sampel sendiri.

Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Alasan yang dikemukakan ialah :

Sampel yang mengatakan "ya" iaitu perlakuan itu menjadikan mereka bersungguh-sungguh berusaha untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajar:

1. "Supaya guru itu akan berpuas hati dengan segala usaha yang dicurahkan dan akan berusaha kuat untuk mengajar di masa akan datang"
2. "Kerana saya ingin menghargai usaha guru tersebut dan jasanya ketika mengajar"
3. "Membuat saya bersemangat untuk belajar"
4. "Untuk saya terus berusaha mendapat keputusan yang cemerlang"
5. "Saya lebih dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan dapat meningkatkan semangat saya untuk belajar bersungguh-sungguh"
6. "Kerana saya ingin membala jasa baik dan pengorbanannya mendidik saya dan saya tidak akan mensia-siakannya"
7. "Kerana saya ingin menjadi seorang yang berjaya sepertinya"
8. "Sebab cara guru tu mengajar dapat saya fahami dengan lebih baik dan guru itu sentiasa memberikan idea-idea yang bernas"
9. "Saya akan bersemangat untuk belajar dan dapat menumpukan perhatian kepada subjek yang diajar olehnya"
10. "Ini kerana saya ingin membala jasa dan pengorbanannya mendidik saya dan saya tidak akan mensia-siakan hasrat dan harapan kepada kami semua"

11. "Ini kerana saya tidak mahu mengecewakan guru ini, dia lah mengajar saya"
12. "Dia sanggup mengorbankan masa, wang dan tenaga semata-mata untuk membantu kami mencapai kejayaan, jelas guru ini amat mengambil perhatian dan meyayangi pelajarnya. Atas usaha yang bersungguh-sungguh saya sentiasa mahu menghadiahkan sesuatu yang amat mengembirakannya iaitu kecemerlangan dalam mata pelajaran yang diajarnya"
13. "kerana inginkan perhatian daripadanya dan disamping itu kita boleh mendalaminya"
14. "Kerana jika perwatakan guru yang baik akan mempengaruhi faktor subjek yang diajar olehnya, jadi pelajar tidak akan cepat bosan"
15. "Sebab cara beliau mengajar boleh mengubah perilaku saya dan menyebabkan saya mengambil perhatian terhadap apa yang diajarnya"
16. "Kerana ingin membala budi guru tersebut dan guru tersebut juga mahukan para pelajarnya berjaya serta cemerlang"
17. "Akan membuatkan saya berusaha untuk mendapat keputusan cemerlang."

Sampel yang mengatakan "kadang-kadang" iaitu perlakuan itu 'kadang-kadang' menjadikan mereka bersungguh-sungguh berusaha untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajar:

1. "Sebab kalau apa yang cikgu ajar tu saya faham ok le..tapi kadang-kadang saya sendiri tak tau apa yang cikgu ajar"
2. "Kerana dia bersungguh-sungguh mengajar kita, sampai begitu sekali perelakuananya, kita perlu berusaha untuk mendapat keputusan yang

cemerlang, kalau perlakuan guru itu tidak menarik minat kita,kita perlu juga mendapat keputusan yang baik"

Sampel yang mengatakan "tidak" iaitu perlakuan itu "tidak"menjadikan mereka bersungguh-sungguh berusaha untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajar:

1. "Kerana segala keputusan cemerlang yang bakal saya raih bergantung dengan usaha saya sendiri"

Kesimpulannya perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi yang positif mempengaruhi pelajar belajar. Ini bermakna tidak semua perlakuan guru akan memotivasi pelajar untuk berjaya dalam pelajaran.

4.4.6 Perlakuan guru ini menjadi pengajaran.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini, "Adakah perlakuan guru ini menjadi pengajaran kepada anda ?"

Daripada temubual yang dibuat terhadap 20 sampel yang dipilih menunjukkan , 17 sampel memberikan jawapan " ya " iaitu perlakuan guru itu menjadi pengajaran kepada mereka . Sementara 2 sampel memberikan jawapan " sebahagian " iaitu sebahagian sahaja daripada perlakuan itu menjadi pengajaran kepadanya dan 1 sampel memberikan jawapan " tidak " iaitu perlakuan itu tidak menjadi pengajaran kepadanya. Kesimpulannya perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi yang positif memberi

pengajaran kepada pelajar. Sikap pelajar juga mempengaruhi perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi

4.4.7 Contoh perlakuan yang menjadi pengajaran.

Bahagaihan ini akan menjawab soalan temubual ini "Nyatakan contoh perlakuan mana menjadi pengajaran kepada anda ?"

Bagi soalan temubual ini, bagi sampel yang memilih jawapan "ya" perlakuan itu menjadi pengajaran kepada sampel, hasil dapatan kajian menunjukkan, terdapat 12 sampel memberikan contoh perlakuan yang menjadi pengajaran kepada mereka daripada kategori respon guru kepada pelajar, 3 sampel berdasarkan cara pertuturan guru dan 2 sampel berdasarkan gerak geri guru. Bagi sampel yang memilih jawapan "Kadang-kadang" perlakuan itu kadang-kadang menjadi pengajaran kepada sampel, hasil dapatan kajian menunjukkan, terdapat 1 sampel memberikan contoh perlakuan yang menjadi pengajaran kepada mereka daripada kategori respon guru kepada pelajar dan 1 sampel berdasarkan gerak geri guru. Bagi sampel yang memilih jawapan "Tidak" perlakuan itu tidak menjadi pengajaran kepada sampel, hasil dapatan kajian menunjukkan, terdapat 1 sampel memberikan contoh perlakuan yang menjadi pengajaran kepada mereka berdasarkan gerak geri guru.

Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Alasan yang dikemukakan ialah :

Sampel yang mengatakan "ya" iaitu perlakuan itu menjadi pengajaran kepada mereka:

1. "Misalnya kita tampil gambar dekat meja, lepas tu cikgu tu koyak gambar tu, jadi lain kali kita tak berani nak tampil gambar tu"
2. "Suka mendorong pelajar agar bersungguh-sungguh demi kejayaan"
3. "Mengajar pelajar yang tidak faham bersungguh-sungguh sehingga faham, tidak mudah marah, serius dan melawak apabila otak mula blank"
4. "Bersemangat ketika mengajar"
5. "Tangan sentiasa bergerak apabila bercakap"
6. "Cara pertuturan yang lemah lembut dan sentiasa mengutarakan perkataan yang sopan iaitu tidak menyinggung perasaan pelajar"
7. "Ketika berinteraksi dengan pelajar kadang-kadang serius dan kadang-kadang tidak serius tetapi mesra dalam percakapan"
8. "Cara pertuturan yang lemah lembut dan sentiasa mengutarakan perkataan yang sopan, tidak menyinggung perasaan pelajar"
9. "Tangan sentiasa bergerak apabila bercakap"
10. "Bersemangat ketika mengajar"
11. "Mengajar pelajar yang tidak faham bersungguh-sungguh sehingga faham, tidak mudah marah, serius dan melawak"
12. "Mendorong pelajar bersungguh-sungguh demi kejayaan"
13. "Apabila guru tersebut bersungguh-sungguh mengajar saya dan saya rasa saya patut belajar bersungguh-sungguh"
14. "Sentiasa menepati masa"

15. "Guru yang suka bergaul dengan pelajar mengenai pelajaran atau masalah yang dihadapi oleh pelajar"
16. "Beliau berinteraksi dengan para pelajar secara berkesan seperti mesra dalam percakapan dan pelajar memberi respon yang baik kepadanya"
17. "Menerima pendapat pelajar"

Sampel yang memberikan jawapan "sebahagian" iaitu sebahagian sahaja daripada perlakuan itu menjadi pengajaran.

1. "Apabila cikgu ini membebek dan memperkecilkan orang lain"
2. "Tangan yang sentiasa bergerak apabila bercakap kerana sikap ini membuatkan saya lebih memberi perhatian terhadap perlakuannya"

Sampel yang memberikan jawapan "tidak" iaitu perlakuan itu tidak menjadi pengajaran .

1. "Apabila menyoal ia akan menghentakkan kaki dengan kuat kadang-kala boleh buat orang terkejut"

4.4.8 Tahu tentang tujuan guru melakukan perlakuan

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini, " Adakah anda tahu tujuan guru melakukan perlakuan tersebut ?"

Daripada temubual yang dibuat terhadap 20 sampel yang dipilih menunjukkan , 15 sampel memberikan jawapan " tahu " iaitu mereka tahu tujuan perlakuan guru itu. Sementara 4 sampel memberikan jawapan " Tidak tahu " iaitu mereka tidak tahu tujuan perlakuan guru tersebut, dan 1 sampel memberikan jawapan " tidak pasti " iaitu mereka

tidak pasti tujuan perlakuan guru itu. Kesimpulannya pelajar tahu tujuan guru melakukan perlakuan itu.

4.4.9 Bagaimana anda tahu tujuan guru.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini,"Bagaimanakah anda tahu, tujuan guru melakukan perlakuan itu ?"

Berdasarkan soalan yang dikemukakan sampel menjelaskan bagaimanakah mereka tahu tujuan guru melakukan perlakuan tersebut. Bagi mereka yang menjawab "tahu" hasil kajian menunjukkan 9 sampel berdasarkan respon guru terhadap pelajar, 2 sampel berdasarkan perawakan dan personaliti, 2 berdasarkan cara bertutur, 1 sampel mempunyai perasaan rendah diri dan 1 sampel tidak menjawab soalan. Bagi mereka yang menjawab "Tidak pasti" hasil kajian menunjukkan, sampel tidak memberikan sebarang jawapan dan Bagi mereka yang menjawab "Tidak" hasil kajian menunjukkan, sampel membuat andaian terhadap guru tersebut. Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Alasan yang dikemukakan ialah :

Sampel yang mengatakan "Tahu" iaitu tahu tujuan perlakuan guru itu .

1. "Melalui perlakuannya semasa mengajar dan merasakan dirinya seorang sahabat kepada pelajar, jadi dengan mudah pelajar akan menjadi lebih tenang untuk belajar kerana kebanyakan pelajar lebih mudah berurus dengan sahabat"
2. "Mlawak,supaya pelajar tidak akan bosan apabila tiba subjeknya dan tidak ponteng kelas"

3. "Menyuruh buat kerja secara berkumpulan, supaya tidak mengantuk ketika belajar dan pelajaran mudah diterima"
4. "Melalui perlakuan untuk menjadi pelajar lebih berdisiplin"
5. "Saya tahu sebab tengak cara dia mengajar, dia nak menarik minat pelajar untuk mendengar"
6. "Melalui cara mengajarnya, guru ingin pelajarnya lebih memahami apa yang diajarnya"
7. "Melalui andaian saya rasa mungkin kerana mereka tidak mahu mendidik pelajar dengan cara yang keras dan menekan pelajar"
8. "Jika guru tersebut tinggikan suaranya, maknanya dia ingin menyuruh berhenti bercakap serta ingin menjelaskan lagi suaranya begitu juga dengan pandangannya yang sentiasa melihat jika ada pelajar yang melakukan kerja lain"
9. "Perlakuananya supaya pelajar tidak bosan belajar subjek yang diajar dan juga pelajar tidak akan ponteng subjeknya"
10. "Dengan cara guru menyulitkan gurauan semasa mengajar"
11. "Melalui percakapannya, dia akan menaikkan semangat untuk belajar"
12. "Melawak, mungkin nak menghiburkan pelajar dan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa"
13. "Mungkin dia tak suka pada saya...lagi pun cikgu tu memang anti dengan saya"

14. "Bagaimana saya tahu? Sebab kita tengok cara dia mengajar tu pun kita dahu, dia nak menarik minat pelajar supaya dengar apa yang dia ajar. Contohnya suka bercerita dan buat lawak"
15. (tidak menjelaskan bagaimana mereka tahu tujuan perlakuan guru tersebut)

Sampel yang mengatakan "Tidak Tahu" iaitu tidak tahu tujuan perlakuan guru itu.

Kecmpat-cmpat sampel tidak memberikan jawapan bila soalan ini diajukan

Sampel yang mengatakan "Tidak Pasti" iaitu tidak pasti tujuan perlakuan guru itu.

1. "Guru tu melakukan perlakuan tersebut mungkin untuk memberi gambaran sikap yang baik dan cuba menarik perhatian pelajar supaya tumpukan perhatian supaya dengar apa yang dia ajarkan".

Kesimpulannya ialah perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi ini akan menarik minat pelajar untuk mengikuti pelajaran.

4.4.10 Contoh perlakuan guru yang tidak menarik perhatian.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini : "Nyatakan contoh perlakuan guru yang tidak menarik perhatian anda ?

Berdasarkan temubual bagi menjawab soalan ini, sampel telah menjawab lebih daripada satu perlakuan. Daripada temubual tersebut di dapati 22 sampel memilih perlakuan guru dalam kategori respon guru kepada murid merupakan perlakuan yang tidak menarik perhatian mereka. Sementara itu 14 sampel memilih kategori perawakan dan personaliti guru merupakan perlakuan yang tidak menarik perhatian mereka semasa

mengajar. Selain itu 7 sampel memilih kategori cara bertutur semasa mengajar merupakan perlakuan yang tidak menarik perhatian mereka, dan 5 sampel memilih gerak geri semasa mengajar merupakan perlakuan yang tidak menarik perhatian mereka semasa guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Sementara itu 1 sampel memilih jangkaan guru dan 1 sampel lagi memilih cara menghormati dan menghargai pelajar merupakan perlakuan yang tidak menarik perhatian pelajar.

Dari temubual ini, dapatan kajian menunjukkan 22 sampel yang memilih bagi kategori respon guru kepada pelajar merupakan perlakuan guru yang tidak menarik perhatian mereka semasa mengajar. Data menunjukkan 5 sampel memilih perlakuan yang emosional dan cepat marah. Terdapat 4 sampel memilih guru yang tidak bersungguh-sungguh menyampaikan pelajaran. Manakala 4 sampel lagi memilih perlakuan guru yang tidak mengakui kesilapan dan ego. Data juga menunjukkan 3 sampel memilih bersikap pilih kasih. 2 sampel memilih perlakuan yang suka mencari kesalahan pelajar merupakan perlakuan yang tidak menarik perhatian sampel. Sementara itu 1 sampel memilih bertanya tentang perkara yang tidak berkaitan dengan pelajaran, 1 sampel memilih perlakuan memberi nasihat tetapi sendiri melakukan perkara tersebut, 1 sampel memilih perlakuan yang tidak menerima pendapat pelajar, 1 sampel memilih sentiasa marah merupakan perkara yang tidak menarik perhatian sampel, dan 1 sampel memilih perlakuan yang suka mencabar pelajar sebagai perlakuan yang tidak menarik perhatian pelajar ketika guru sedang mengajar. Kesimpulannya terdapat perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi yang tidak menarik perhatian pelajar.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini mengatakan bahawa;

" Sesorang guru yang masuk ke kelas dan bercerita mengenai sesuatu perkara yang tidak berkaitan dengan pelajaran"

Menurut sampel ini, katanya, " Melenting tak tentu pasal, pelajar yang jadi mangsa disebabkan masalah peribadi. Apabila diminta tunjuk lebih mendalam, caranya acuh tak acuh saja. Mengajar hanya mengikut buku teks seratus peratus, contoh tidak diberi"

Menurut sampel ini pula, katanya, " Bengis, berbincang tentang subjek lain, melenting tak tentu fasal, memaksa, bila diminta tunjuk ajar tidak diendahkannya. Mengajar tanpa memberi penjelasan yang lebih mendalam supaya pelajar faham dan pilih kasih pulak tu "

Perlakuan guru yang tidak menarik perhatian pelajar ini dapat dijelaskan dalam jadual 9 di bawah:

Jadual 9 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan	Sebagai	Kurikulum	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Tersembunyi Semasa Guru Mengajar
1.	Emosional dan cepat marah		5
2.	Tidak bersungguh sungguh menyampaikan pelajaran		4
3.	Tidak mengakui kesilapan dan ego		4
4.	Pilih kasih		3
5.	Suka mencari kesalahan pelajar		2
6.	Bertanya tentang perkara yang tidak berkaitan dengan pelajaran		1
7.	Menasihati tetapi sendiri melakukannya		1
8.	Tidak menerima pendapat		1
9.	Sentiasa marah		1
Jumlah			22

Terdapat 14 sampel memilih perawakan dan personaliti tidak menarik perhatian mereka. Antara perawakan dan personaliti yang tidak menarik perhatian mereka ialah, 6 sampel memberikan contoh guru yang suka berleter. Manakala 3 sampel memilih guru yang tidak pernah senyum, 2 sampel mengatakan guru yang suka berlawak, 1 sampel memilih guru yang sentiasa serius dan 1 sampel memilih gaya yang tidak ceria dan 1 sampel memilih guru yang mengada-ngada.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini mengatakan bahawa; " Suka membebel, tidak mudah menerima pendapat pelajar, suka menilai seseorang, pilih kasih dan suka marah tak tentu pasal"

Menurut sampel ini katanya, " Perlakuan yang tidak pernah senyum, suka berleter apabila bercakap sering tersalah cakap "

Menurut sampel ini pula katanya " Guru yang suka buat lawak bodoh, guru yang suka berleter, guru yang mulut celupar dan guru yang cepat marah"

Perlakuan guru yang tidak menarik perhatian pelajar ini dapat dijelaskan dalam jadual 10 di bawah:

Jadual 10 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan Semasa Guru Mengajar	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan
1. Suka berleter	6
2. Tidak pernah senyum	3
3. Suka berlawak	2
4. Sentiasa serius	1
5. Gaya tidak ceria	1
6. Mengada-ngada	1
Jumlah	14

Terdapat 7 sampel memilih cara bertutur adalah perlakuan yang tidak menarik perhatian sampel. Antaranya 4 sampel memilih perlakuan mencengking, garang dan mulut celupar, 2 sampel memilih suka membesarluarkan suara seperti pelajar berada jauh darinya dan 1 sampel memilih mengeluarkan kata-kata kesat seperti bingung, bodoh dan sebagainya. Kesimpulannya perlakuan guru yang negatif tidak menarik perhatian pelajar.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini mengatakan bahawa : " Mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya seperti kamu ni terlalu bodoh,bangang dan sebagainya. Tidak bersemangat untuk mengajar, terlalu emosional dan terlalu serius yang menimbulkan suasana ketegangan"

Manakala sampel ini menyatakan " Mimik muka yang masam dan seakan-akan marah, mengeluarkan kata-kata yang kurang baik seperti bingung, nada suara yang tinggi dan kasar, tidak boleh bertolak ansur dan terlalu mengikut emosi apabila marah"

Perlakuan guru yang tidak menarik perhatian pelajar ini dapat dijelaskan dalam jadual 11 di bawah:

Jadual 11 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan Semasa Guru Mengajar	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan
1. Mencengking,garang,mulut celupar	4
2. Membesarluarkan suara seperti pelajar jauh	2
3. Mengeluarkan kata-kata kesat	1
Jumlah	7

Hasil daripada temubual yang telah dijalankan, mendapati 5 sampel memilih gerak geri semasa mengajar merupakan perlakuan yang tidak menarik perhatian sampel. 2 sampel memilih perlakuan menghentakkan kaki apabila menyolo, 2 sampel memilih perlakuan memasukkan tangan ke dalam poket dan 1 sampel memilih perlakuan berjalan menghentakkan kaki.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini menjelaskan katanya, " Guru yang suka menghentakkan kaki apabila menyolo, memasukkan tangan ke dalam poket, berjalan menghentakkan kaki, tidak pernah senyum, garang, suka membesarlu suara seperti pelajar berada jauh darinya dan suka mencabar pelajar"

Manakala sampel ini menjelaskan katanya, " Memasukkan tangan dalam poket" Dan sampel ini mencerangkan katanya, "Suka menghentakkan kaki apabila ingin menyolo pelajar"

Perlakuan guru yang tidak menarik perhatian pelajar ini dapat dijelaskan dalam jadual 12 di bawah:

Jadual 12 : Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi

Perlakuan Semasa Guru Mengajar	Jumlah Sampel Yang Memilih Perlakuan
1. Menyolo menghentakkan kaki	2
2. Menyeluk poket	2
3. Berjalan menghentakkan kaki	1
Jumlah	5

Terdapat sampel yang memilih cara jangkaan guru terhadap pelajar sebagai perlakuan yang tidak menarik perhatian pelajar iaitu 1 sampel memilih guru yang sering menjangka pelajar mempunyai pengetahuan sepertinya.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini menjelaskan katanya, " Cikgu sering menjangkakan kami ni pandai macamnya, tension betul"

Terdapat sampel yang memilih cara menghormati dan menghargai pelajar sebagai perlakuan yang tidak menarik perhatian pelajar iaitu 1 sampel memilih guru yang sering mencampakkan buku pelajar sebagai perlakuan uang tidak menarik perhatian sampel.

Bagi menjelaskan lagi hasil dapatan ini, disiarkan transkripsi perbualan beberapa contoh sampel. Sampel ini menjelaskan katanya, " Suka mencampakkan buku pelajar sehingga kadang kala tu sampai jatuh ke lantai, serta guru yang bersikap ego, susah nak senyum dan suka marah pelajar "

4.4.11 Melemahkan semangat untuk mengikuti pengajarannya jika perlakuan guru ini tidak menarik perhatian.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini,"Jika perlakuan guru ini tidak menarik perhatian anda, adakah akan melemahkan semangat anda untuk mengikuti pengajarannya ?"

Daripada temubual yang dibuat terhadap 20 sampel yang dipilih menunjukkan , 15 sampel memberikan jawapan " ya " iaitu perlakuan guru itu melemahkan semangat untuk terus belajar, dan 5 sampel memberikan jawapan " tidak " iaitu perlakuan itu tidak melemahkan semangat mereka untuk mengikuti pengajaran guru tersebut.

4.4.12 Alasan perlakuan ini melemahkan semangat.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini,"Mengapakah perlakuan ini melemahkan semangat anda untuk mengikuti pengajarannya?"

Daripada temubual yang dijalankan mendapat mereka memberikan alasan tertentu mengapakah perlakuan itu melemahkan semangat untuk mengikuti pengajaran tersebut. Bagi sampel yang menjawab "ya" iaitu perlakuan itu melemahkan semangat mereka, hasil kajian menunjukkan 12 sampel adalah di sebabkan oleh nilai interinsik sampel iaitu faktor dalaman, mereka merasakan mereka tidak mendapat perhatian daripada guru tersebut manakala 3 sampel adalah di sebabkan oleh faktor luaran iaitu pengajarannya tidak dapat difahami. Bagi sampel yang menjawab "Tidak" iaitu perlakuan itu tidak melemahkan semangat mereka, hasil kajian menunjukkan 5 sampel adalah di sebabkan oleh nilai interinsik sampel iaitu faktor dalaman, iaitu ingin membuktikan tanpa guru mereka akan berjaya.

Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Alasan yang dikemukakan ialah :

Sampel yang mengatakan "ya" iaitu perlakuan itu melemah kan semangat untuk mengikuti pelajaran:

1. "Sebabnya bila dah tak suka apa lagi buat don't know aje lah"
2. "kerana pengajaran yang diajar tidak difahami, bila tiba subjeknya selalu berlaku ponteng kelas di kalangan pelajar, rasa mengantuk dan bosan"
3. "Mood akan hilang dengan tiba-tiba bila berhadapan dengan guru begini"
4. "Kerana saya tidak akan minat untuk mengikuti apa yang diajar olehnya"
5. "Ini kerana saya tidak suka dan tidak berminat untuk mengikuti apa yang diajar olehnya"
6. "Kerana kadang-kadang guru tersebut menganggap tak faham apa adakah rasa takut untuk menanyakan beberapa soalan?"
7. "Kerana pelajar akan merasa mengantuk dan bosan dan buat kerja lain, jadi pelajaran yang diajar tidak dapat diterima"
8. "Ia sedikit sebanyak menganggu emosi saya"
9. "Menyebabkan saya hilang mood untuk belajar"
10. "Dengan perlakuan begitu saya merasa malas untuk belajar"
11. "Kerana sifatnya yang ego dan suka marah pelajar menyebabkan kita takut nak bertanya dan ini menyebabkan kita tak faham apa yang diajar dan seterusnya rasa malas untuk masuk kelas"
12. "Saya rasa sangat bosan mengantuk dan marah"

13. Kerana saya rasa menyampah(benci), tetapi saya tidak tunjukkan sikap tidak suka saya kerana takut dikatakan biadab"
14. "Kerana apabila seseorang guru itu bercakap mengenai perkara lain semua proses pengajaran dan pembelajaran ini akan membuatkan saya mengurangkan tumpuan pada pengajarannya dan ini akan melemahkan semangat saya untuk belajar"
15. "Saya tidak akan menumpukan perhatian seratus-peratus,apabila cikgu masuk dan tidak bersemangat untuk belajar dan saya rasa tidak gembira"

Sampel yang mengatakan "Tidak" iaitu perlakuan itu tidak melemah kan semangat untuk mengikuti pelajaran:

1. " Saya akan buktikan padanya walaupun tanpa pengajarannya saya akan berjaya"
2. "Saya menumpukan kepada pengajarannya bukan perlakuannya"
3. " Sebab perlakuan guru ini tidak menganggu tumpuan saya ketika belajar"
4. "Sebaliknya saya berusaha bersungguh-sungguh, biar dia tahu bahawa kita bukan calang-calang pelajar"
5. "Kerana saya ingin berjaya dalam pelajaran, jadi tidak pedulikan apa yang dilakukan kerana perhatian saya kurang terhadap apa yang diajar"

4.4.13 Tindakbalas terhadap guru melakukan perlakuan.

Bahagian ini akan soalan temubual ini, "Apakah tindakbalas anda apabila guru melakukan perlakuan tersebut?"

Berdasarkan temubual yang dijalankan sampel menjelaskan berbagai-bagai tindakbalas terhadap perlakuan guru yang menghasilkan kurikulum tersebunyi ini. Hasil kajian menunjukkan 20 sampel melakukan tindak balas secara tidak terus terang. Alasan yang dikemukakan ialah : Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik . Alasan yang dikemukakan ialah :

1. "Mengata cikgu itu, tidak dengar apabila dia buat perbincangan, buat tak tau, Insyallah diizinkan tuhan saya akan kenakan cikgu ni"
2. "Berbisik dengan rakan sebelah akan ketidakpuasan hati, buat benda lain, tidak memberi perhatian, selalu keluar kelas dan ponteng kelas"
3. "Berborak dengan kawan dengan mengutuk guru tersebut, buat-buat tak dengar dengan apa yang dia katakan dan tidur"
4. "Saya akan berbisik sesama pelajar dan kadang kala saya akan tersenyum sendirian serta berharap guru akan mengubah sikapnya"
5. "Saya akan berbisik sesama pelajar agar dia tahu dirinya silap"
6. "Tergelak,bertanya dengan kawan, tersenyum dan kadang kala buat tak tau saja"
7. " Tidak memberi perhatian, berbisik pada kawan sebelah tentang perasaan tak puas hati dan terpaksa memendam dalam hati saya"
8. "Mendiamkan diri dan menyangkal kata-katanya jika berpeluang"

9. "Kadang kala saya ketawa"
10. "Berbisik pada rakan, ketawa kecil dan kadang-kadang buat tak tau"
11. "Kadang-kadang tu masam muka je, kadang kala berdiam diri atau berbisik kepada kawan"
12. "Saya akan berborak dengan rakan sebelah, mengutuk guru tersebut atau membuat kerja lain seperti membaca novel atau melukis"
13. "Buat tak tau, lebih baik saya belajar sendiri daripada belajar dengannya dengan cara tidak menyenangkan"
14. "Saya akan menyiapkan kerja sekolah jika ada, berborak dengan rakan-rakan atau berangan"
15. "Tidak berbuat apa-apa"
16. "Cuma memerhati kelakuannya"
17. "Saya buat tak tau dan cuba menjawab soalan yang diajukan kepada saya"
18. "Malas nak bertanya, usaha sendiri dan ingin menyatakan kepadanya "saya boleh"
19. "Kalau guru ni tengah mengajar, saya buat kerja lain, kalau bertemu dengannya saya akan mengelak daripadanya"
20. "Kadang-kadang cuba meminta pendapat rakan sebelah, melihat reaksi rakan sekelas yang lain, merungut di dalam hati, berazam tidak mahu bercakap demikian, membandingkan dengan kelakuan guru yang diminati".

4.4.14 Berusaha untuk mengubah perlakuan guru .

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini,"Adakah anda berusaha untuk mengubah perlakuan guru ini, jika perlakuanannya membosankan anda ?"

Daripada temubual yang dibuat terhadap 20 sampel yang dipilih menunjukkan , 11 sampel memberikan jawapan " ya " iaitu sampel berusaha untuk mengubah perlakuan guru itu jika didapati perlakuan guru itu membosankan sampel, dan 9 sampel memberikan jawapan " tidak " iaitu sampel tidak berusaha untuk mengubah perlakuan guru itu jika didapati perlakuan guru itu membosankan sampel

4.4.15 Mengapa perlu mengubah perlakuan.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini,"Jelaskan mengapa anda mengubah atau tidak mengubah perlakuan itu ? (Berdasarkan jawapan anda di atas)"

Berdasarkan temubual yang dijalankan sampel menjelaskan berbagai-bagai alasan tentang respon sampel terhadap perlakuan guru yang menghasilkan kurikulum tersembunyi ini. Sampel yang mengatakan "Ya" iaitu sampel yang berusaha untuk mengubah perlakuan guru yang membosankan sampel, Alasan yang dikemukakan ialah 7 sampel mengatakan tidak mahu tumpuan mereka terhadap pelajaran terganggu, 2 sampel tidak mahu ketinggalan, 1 sampel merasa rendah diri dan 1 sampel tidak memberikan sebarang jawapan. Sampel yang mengatakan "Tidak" iaitu sampel yang tidak berusaha untuk mengubah perlakuan guru yang membosankan sampel, 2 sampel mengatakan guru tidak menerima teguran, 2 sampel mengatakan mereka tidak layak menegur guru, 2

sampel tidak memberikan sebarang jawapan, 1 sampel mengatakan tidak mahu ambil peduli, 1 sampel mengatakan guru garang dan 1 sampel mengatakan mereka tidak tahu.

Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik Alasan yang dikemukakan ialah :

Sampel yang mengatakan "Ya" iaitu sampel yang berusaha untuk mengubah perlakuan guru yang membosankan sampel:

1. "Sebab saya tidak mahu tumpuan saya belajar terganggu gara-gara perlakuan itu"
2. " Jika saya tidak suka mendengar cerita yang disampaikan, masih ada segolongan pelajar yang mahu mendengar....akan berlarutan"
3. " Saya akan berasa ketinggalan"
4. (Tidak mengemukakan alasan)
5. " kerana saya tidak mahu menjadi seorang pelajar yang tidak dapat menerima pelajaran hanya kerana sikapnya"
6. " Jika berterusan begitu, saya akan keciciran dan kualiti pengajaran akan terus statik menganggu usaha pelajar mencari ilmu "
7. " Supaya subjek yang diajar akan difahami dan seterusnya target sekolah akan tercapai lebih daripada yang diharapkan"
8. " Kerana tidak begitu meminati dan akan menyebabkan hilang tumpuan belajar"
9. " Menimbulkan rasa rendah diri"

10. " Kerana saya mahu supaya pelajar lain tidak akan berasa tersaisih dan bersemangat kembali untuk belajar"
11. " Supaya tidak merugikan tenaga guru begitu sahaja"

Sampel yang mengatakan "Tidak" iaitu sampel yang tidak berusaha untuk mengubah perlakuan guru yang membosankan sampel:

1. " Saya tidak kisah dan tidak mahu ambil peduli"
2. " Kerana guru ini tidak akan menerima pendapat pelajar kerana merasakan dirinya sudah begitu clok"
3. (Tidak memberi sebarang jawapan)
4. (Tidak memberikan sebarang jawapan)
5. " Kerana guru tu garang sangat, nak ubah pun takut dan tak tahu macam mana nak ubah perangainya, kalau kita cakap dekat guru tu sesuatu, dia kenakan kita balik"
6. " Kerana takut cikgu kecil hati dan marah "
7. " Tak tahu "
8. " Sebagai pelajar, saya rasa saya tidak layak menegur perbuatan guru tersebut"
9. " Siapa saya untuk mengubah cikgu, cikgu adalah pembimbing mana mungkin cikgu nak dengar cakap saya"

4.5 Kesan Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi Terhadap Pelajar.

Bagi menjawab soalan kajian 3 ini penyelidik telah menjalankan temubual dengan 20 sampel yang dipilih untuk memerhati perlakuan guru yang mengajar mata pelajaran di bilik darjah mereka. Bagi menjawab soalan kajian 3 ini, penyelidik telah menyediakan 2 soalan temubual iaitu soalan temubual 16 iaitu, " Manakah yang lebih anda pelajari, perlakuan guru atau pengajarannya?" dan soalan temubual 17 iaitu, "Jelaskan mengapa anda berkata demikian?" Sampel menjawab soalan temubual ini secara lisan, perbualan ini dirakamkan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Analisis secara diskriptif dijalankan dan hasil daptan di temakan seperti berikut:

1. Mempelajari perlakuan guru atau pengajarannya
2. Alasan mempelajari perlakuan guru atau pengajarannya.

4.5.1 Mempelajari perlakuan guru atau pengajarannya.

Bahagian ini akan menjawabsoalan temubual ini , "Manakah yang lebih anda pelajari, perlakuan guru atau pengajarannya ? (mata pelajaran yang diajar)"

Daripada temubual yang dibuat terhadap 20 sampel yang dipilih menunjukkan , 10 sampel memberikan jawapan " pengajaran guru " iaitu sampel mempelajari pengajaran guru, manakala 7 sampel memberikan jawapan " perlakuan guru dan pengajaran guru" iaitu sampel mempelajari perlakuan guru berserta pengajaran guru, dan 3 sampel memberikan jawapan " perlakuan guru " iaitu sampel hanya mempelajari perlakuan guru, Ini jelas menunjukkan terdapat kurikulum tersembunyi berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kesimpulannya di samping mempelajari mata pelajaran

yang diajarkan kepada mereka, pelajar juga akan mempelajari perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi.

4.5.2 Alasan Mempelajari Perlakuan Guru Atau Pengajarannya.

Bahagian ini akan menjawab soalan temubual ini,"Jelaskan mengapa anda memilih jawapan demikian?"

Berdasarkan temubual yang dijalankan sampel menjelaskan berbagai-bagai alasan tentang respon sampel terhadap perlakuan guru yang menghasilkan kurikulum tersembunyi ini berbanding dengan pengajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa : Sampel yang mengatakan "Pengajaran guru" iaitu sampel yang memilih pengajaran guru sebagai perkara yang lebih dipelajari, 6 sampel menjelaskan mereka mengutamakan pengajaran, 2 sampel menjelaskan bahawa pengajaran akan menentukan kejayaan, 1 sampel mengatakan pengajaran senang diikuti dan 1 sampel tidak memberikan jawapan.

Sampel yang mengatakan "Pengajaran guru dan perlakuan guru" iaitu sampel yang memilih pengajaran guru dan perlakuan guru sebagai perkara yang lebih dipelajari. 3 sampel menjelaskan perlakuan dan pengajaran saling berkaitan, 1 sampel menjelaskan perlakuan menarik semangat belajar, 1 sampel menjelaskan perlakuan menjadikan mereka ketawa, 1 sampel menjelaskan bahawa adakalanya perlakuan membosankan dan adakalanya pengajaran membosankan dan 1 sampel mengatakan perlakuan memberikan ingatan terhadap pengajaran.

Sampel yang mengatakan "Perlakuan guru" iaitu sampel yang memilih perlakuan guru sebagai perkara yang lebih dipelajari. 2 sampel mengatakan bahawa perlakuan menjadi contoh kepada mereka dan 1 sampel mengatakan mereka mudah menerima perlakuan guru berbanding pengajaran.

Jawapan ini dijawab secara lisan dan ditranskripsikan oleh penyelidik. Alasan yang dikemukakan ialah :

Sampel yang mengatakan "Pengajaran guru" iaitu sampel yang memilih pengajaran guru sebagai perkara yang lebih dipelajari.

1. " Ini kerana, saya akan mengingati apa yang diberitahunya dan saya akan menjadi pengajarannya sebagai teladan"
2. " Kerana semasa di dalam kelas saya lebih suka mendengar apa yang ingin disampaikan oleh sesorang guru itu daripada melihat setiap gerak geri atau perbuatannya yang dipertontonkan kepada saya"
3. " Mata pelajaran itu menarik, mudah difahami dan menarik minat belajar"
4. " Ini kerana saya yakin bahawa pengajarannya mampu membantu saya untuk berjaya dalam peperiksaan dan pada masa akan datang"
5. " Kerana saya yakin bahawa pengajarannya mampu membantu untuk berjaya dalam peperiksaan"
6. " Bila mengajar kita saham, senang untuk mengikuti pengajarannya"
7. " Kerana kalau nak fikirkan pasal perlakuannya tak masuklah ilmu yang diajar dalam otak, kita kena positif"

BAB LIMA

RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan rumusan dapatan analisis data. Selain daripada itu diutarakan juga cadangan yang berkaitan dengan kurikulum tersembunyi.

5.2 Kesimpulan

5.2.1 Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi Di Dalam Bilik Darjah.

Kesimpulan pada bahagian ini adalah berdasarkan soalan kajian 1 iaitu " Apakah perlakuan guru di dalam bilik darjah sebagai kurikulum tersembunyi ?"

Pemerhatian selama sebulan waktu persekolahan ini telah menyenaraikan 55 perlakuan dalam enam kategori oleh guru di bilik darjah. Perlakuan oleh guru ini dijelaskan dalam senarai di bawah :

1. GERAK GERI SEMASA MENGAJAR

1. Menghentakkan kaki apabila menyoloal
2. Duduk di atas meja
3. Memasukkan tangan ke dalam poket
4. Tangan sentiasa bergerak apabila bercakap
5. Badan sentiasa bergoyang semasa menulis
6. Bila berfikir sesuatu sering memandang ke atas

7. "Kerana tanpa perlakuan, pengajarannya tidak mudah diikuti' sebagai contoh apabila guru tersebut tumpu mengajar tanpa contoh-contoh lain, suasana bosan akan timbul dan pelajar mula tidur"

Sampel yang mengatakan "Perlakuan guru" iaitu sampel yang memilih perlakuan guru sebagai perkara yang lebih dipelajari.

1. "Kerana saya lebih mudah menerima berbanding dengan pelajaran"
2. "Sebab perlakuan seseorang itu bolch menjadi contoh perilaku seseorang yang menontonnya. Contoh guru mengajar tegas maka pelajar akan memberi perhatian"
3. "Kerana perlakuan guru boleh kita lihat hari-hari dan setiap masa tetapi pengajarannya berubah dari masa ke semasa. Oleh kerana perlakuan kita lihat hari-hari dan sering mengajuk gayanya maka ia mudah menjadi ikutan."

Pelajar mempunyai alasan yang tersendiri untuk memilih perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi atau pengajarannya. Daripada alasan yang dikemukakan menunjukkan 10 sampel memilih perlakuan guru dan pengajaran dan 10 sampel memilih pengajaran guru. Berdasarkan dapatan ini menunjukkan perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi banyak mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran di bilik darjah.

8. (Tidak memberi sebarang jawapan)
9. " Kerana pengajarannya lebih penting"
10. " Sebab saya ke sekolah untuk belajar bukan untuk mempelajari perlakuannya"

Sampel yang mengatakan "Pengajaran guru dan perlakuan guru" iaitu sampel yang memilih pengajaran guru dan perlakuan guru sebagai perkara yang lebih dipelajari.

1. " Kerana cara, gaya kelakar dan persembahan guru tersebut dalam mengemukakan sikapnya mampu menaikkan semangat untuk lebih serius dalam pelajaran"
2. " Sebab setiap guru mempunyai cara dan gaya yang berlainan ketika mengajar, saya sangat suka memerhati perlakuan guru ketika mengajar kerana kadang kala ia membuat saya ketawa"
3. " Terdapat setengah guru perlakuanya menyeronokkan dan setengahnya membosankan"
4. " Kerana jika dia pandai menarik perhatian saya, saya akan lebih tertumpu kepada pengajaran, kemudian kelakuannya pula kerana perlakuan itulah yang membuat saya ingat kepada pelajaran yang diajar"
5. " Perlakuan guru dan pengajarannya sering berkaitan dalam usaha menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan lebih berkesan"
6. " Kerana kedua-duanya berkaitan antara satu sama lain"